

Pertingkat dagangan melalui beras, minyak sawit

Malaysia akui perdagangan dua hala dengan Kemboja masih rendah

Phnom Penh: Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob berkata, meningkatkan eksport minyak sawit ke Kemboja dan import beras ke Malaysia antara kaedah boleh dimanfaatkan untuk meningkatkan perdagangan dua hala kedua-dua negara.

Perdana Menteri berkata, ia sebagai tambahan selain memperluaskan kolaborasi dalam bidang teknologi maklumat dan komunikasi (ICT), teknologi kewangan, keselamatan siber, perusahaan kecil dan sederhana (PKS) serta perniagaan pemula niaga.

"Saya akui bahawa perdagangan dua hala antara kita masih rendah dan perlu ditingkatkan lagi, selaras dengan potensi kedua-dua negara. Ini termasuk perdagangan dalam sektor perladangan dan komoditi.

"Malaysia menawarkan mi-

nyak sawit dan produk minyak sawit berkualiti tinggi kepada Kemboja dan saya amat berharap perdagangan kita dalam produk ini dapat dipertingkatkan," katanya pada sidang media bersama Perdana Menteri Kemboja, Samdech Techno Hun Sen di Peace Palace, di sini, semalam.

Pada sidang media bersama dan pertemuan empat mata dengan Hun Sen, Ismail Sabri bercakap bahasa Melayu.

Hun Sen pula mencadangkan Malaysia mengimport lebih banyak beras dari negara itu, selain turut mempelawa pelabur Malaysia melabur dalam pengilangan beras.

Selain itu, Perdana Menteri yang gembira mendengar perkembangan kerjasama dalam sektor halal yang begitu membezakan, turut berkata Malaysia akan terus membantu Kemboja membangunkan ekosistem halal.

Di samping itu, Perdana Menteri berkata, Kerajaan Malaysia sedang mempertimbangkan dengan serius berkenaan pembukaan sempadan antarabangsa Malaysia dan keputusan mengenai akan dimaklumkan dalam masa terdekat.

"Apabila sempadan antarabangsa kita dibuka nanti, Malaysia boleh meningkatkan lagi



Ismail Sabri membuat kunjungan hormat ke atas Hun Sen di Peace Palace, Phnom Penh, semalam. (Foto AFP)

kerjasama dua hala dengan Kemboja dalam pelbagai bidang

"Ini termasuk pengiktirafan sijil vaksinasi COVID-19 secara timbal balas untuk memudahkan perjalanan serta banyak lagi inisiatif lain menyumbang kepada pemulihan pasca pandemik COVID-19," katanya.

Jumlah perdagangan Kemboja-Malaysia melepasi A\$500 juta (RM2.0 bilion) pada 2021, mengukuh 13.14 peratus berbanding tahun sebelumnya.

Mengenai Myanmar, Ismail Sabri berkata, Malaysia berpandangan Myanmar adalah sebuah negara jiran serta negara ASEAN yang dihargai dan mahu melihat negara itu pulih seperti sedia kala serta mengikut Konsensus Lima Perkara ASEAN (5PC).

Malaysia juga mahu Myanmar terus mencapai kemajuan demi kebaikan rakyatnya supaya negara itu berada dalam keadaan aman, harmoni dan sejahtera.

Menurut Ismail Sabri, Malaysia akan terus menyokong usaha Kemboja sebagai Pengerusi ASEAN serta Utusan Khas Pengerusi ASEAN berkenaan Myanmar dalam menangani situasi di Myanmar dengan berkesan.

Mengenai perbincangan beliau dengan Hun Sen berkenaan isu Laut China Selatan, Ismail Sabri berkata, Malaysia berpendirian supaya Laut China Selatan kekal menjadi kawasan aman dan stabil, serta selamat untuk perdagangan.

Mengenai Kemboja selaku pengerusi ASEAN 2022, Ismail Sabri berkata, Malaysia akan terus memberikan sokongan padu dan kerjasama erat kepada negara berkenaan.

Sementara itu, berucap pada majlis makan malam 'Keluarga Malaysia' di Kemboja malam kelmarin, Perdana Menteri berkata, perkembangan ekonomi dan ju-

mlah pelaburan langsung asing pada 2021 menunjukkan negara di landasan dan unjuran yang baik untuk mencapai sasaran ekonomi yang ditetapkan.

Berdasarkan laporan Jabatan Perangkaan Malaysia dan Bank Negara Malaysia, ekonomi negara berkembang 3.1 peratus pada 2021 berbanding penguncupan 5.6 peratus pada 2020.

Jumlah pelaburan langsung asing (FDI) turut merekodkan peningkatan pada 2021 iaitu melebihi RM50 bilion berbanding 2020 sebanyak RM14.6 bilion.

"Indikator positif ini memberi gambaran bahawa negara sedang menuju ke arah pemulihan ekonomi seterusnya mencapai unjuran Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) sebanyak 5.5 peratus hingga 6.5 peratus bagi tahun 2022 selari dengan unjuran yang dibuat oleh IMF (Dana Kewangan Antarabangsa) dan Bank Dunia," katanya. BERNAMA